



## **AKTA SYARIKAT**

**(Penggal 39)**

### **ATURAN-ATURAN SYARIKAT (PEMOTONGAN), 2018**

#### **SUSUNAN ATURAN-ATURAN**

##### **Aturan**

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Alasan dan syarat memotong nama syarikat
3. Tempoh yang ditetapkan untuk menunjukkan sebab di bawah bab 287B(4)(b)
4. Bentuk nctis bantahan di bawah bab 287D(2)
5. Pertimbangan dalam membuat keputusan untuk membenarkan bantahan terhadap pemotongan
6. Syarat-syarat permohonan untuk memasukkan semula secara pentadbiran
7. Bayaran

#### **JADUAL – BAYARAN**



## AKTA SYARIKAT

(Penggal 39)

### ATURAN-ATURAN SYARIKAT (PEMOTONGAN), 2018

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 324A dari Akta Syarikat, maka Menteri Kewangan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut –

#### Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Syarikat (Pemotongan), 2018 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2018.

#### Alasan dan syarat memotong nama syarikat

2. (1) Aturan ini menyatakan maksud-maksud bab 287B(1) alasan dan syarat yang Pendaftar boleh memotong nama suatu syarikat daripada daftar atas permohonan syarikat itu.

(2) Pendaftar boleh memotong nama suatu syarikat daripada daftar atas alasan bahawa syarikat itu –

- (a) belum mula menjalankan perniagaan atau memulakan operasi; atau
- (b) telah berhenti menjalankan perniagaan atau operasi.

(3) Syarat-syarat yang Pendaftar boleh memotong nama suatu syarikat daripada daftar atas permohonan syarikat itu adalah –

- (a) syarikat itu bukan suatu pihak kepada mana-mana prosiding yang sedang berjalan atau belum selesai (sama ada sivil atau jenayah) di hadapan sebuah mahkamah, sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain;

- (b) syarikat itu tidak mempunyai aset atau aset kontingen dan tidak mempunyai liabiliti atau liabiliti kontingen; dan
- (c) syarikat itu tidak dikenakan sebarang tindakan pengawalseliaan yang sedang berjalan atau belum selesai atau prosiding tatatertib.

(4) Dalam aturan ini –

“prosiding tatatertib” bermakna apa-apa prosiding yang boleh diambil oleh suatu badan profesional di bawah undang-undang bertulis terhadap seorang ahli profesion kerana salah laku profesional;

“profesion” bermakna suatu profesi yang di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis boleh dijalankan hanya oleh mereka yang mempunyai kelayakan tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis itu dan yang nama-nama mereka didaftarkan atau pun selainnya direkodkan mengikut cara yang ditetapkan oleh sebarang undang-undang bertulis;

“badan profesional” bermakna suatu badan yang bertanggungjawab di bawah sebarang undang-undang bertulis bagi penyelenggaraan standard kelakuan profesional oleh ahli-ahli profesion;

“pengawal selia” bermakna suatu badan berkanun atau pihak berkuasa yang diberikan tugas-tugas pengawasan atau pengawalseliaan di bawah suatu statut;

“tindakan pengawalseliaan” bermakna sebarang tindakan yang boleh diambil terhadap suatu syarikat oleh pengawal selia kerana melanggar sebarang syarat lesen, pendaftaran, permit, kebenaran, kelulusan, persetujuan atau mana-mana kebenaran lain yang diberikan kepada syarikat itu di bawah sebarang undang-undang bertulis.

**Tempoh yang ditetapkan untuk menunjukkan sebab di bawah bab 287B(4)(b)**

3. (1) Bagi maksud-maksud bab 287B(4)(b), seseorang itu mempunyai 60 hari selepas tarikh notis cadangan untuk memotong nama suatu syarikat daripada daftar untuk menunjukkan sebab dalam tempoh itu mengapa Pendaftar tidak patut menjalankan kuasa untuk memotong nama syarikat itu daripada daftar.

(2) Dalam aturan kecil (1), sebutan kepada tarikh notis cadangan untuk memotong nama suatu syarikat daripada daftar bermakna tarikh notis cadangan Pendaftar untuk menjalankan kuasa memotong nama suatu syarikat daripada daftar mula-mula disiarkan dalam *Warta Kerajaan* di bawah bab 287B(4).

**Bentuk notis bantahan di bawah bab 287D(2)**

4. Bagi maksud-maksud bab 287D(2), bentuk suatu notis bantahan terhadap pemotongan nama suatu syarikat daripada daftar yang disebut dalam bab 287D(1) adalah yang disediakan dalam sistem transaksi elektronik yang disebut dalam bab 319A, atau bentuk lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar.

**Pertimbangan dalam membuat keputusan untuk membenarkan bantahan terhadap pemotongan**

5. Bagi maksud-maksud bab 287D(3)(b), dalam memutuskan sama ada membenarkan suatu bantahan terhadap pemotongan nama suatu syarikat daripada daftar, Pendaftar mestilah mengambil kira –

- (a) sebab-sebab bantahan itu yang dikemukakan kepada Pendaftar;
- (b) apa-apa dokumen sokongan dan maklumat yang dikemukakan berserta dengan bantahan itu; dan
- (c) apa-apa dokumen atau maklumat lain yang dikemukakan kepada Pendaftar berikut dengan permintaan Pendaftar.

**Syarat-syarat permohonan untuk memasukkan semula secara pentadbiran**

6. (1) Bagi maksud-maksud bab 287E(1), suatu permohonan kepada Pendaftar untuk memasukkan semula ke dalam daftar nama suatu syarikat yang dahulunya dipotong daripada daftar di bawah bab 287A boleh dibuat hanya jika semua syarat yang berikut dipenuhi –

- (a) syarikat itu, pada masa pemotongan, menjalankan perniagaan atau beroperasi;
- (b) jika harta syarikat itu terletak hak pada Penerima Rasmi di bawah bab 159(1) dari Perintah Ketidaksovenan, 2016 (S 1/2016), Penerima Rasmi telah bersetuju secara bertulis untuk memasukkan semula nama syarikat itu ke dalam daftar;
- (c) syarikat itu telah menyerahkan, atau telah memberikan suatu akujanji yang boleh diterima oleh Pendaftar untuk menyerahkan, semua dokumen berhubung dengan syarikat itu yang diperlukan untuk mengemaskinikan rekod Pendaftar;
- (d) syarikat itu telah membayar atau menyebabkan dibayar, atau telah memberikan suatu akujanji yang boleh diterima oleh Pendaftar untuk membayar atau menyebabkan dibayar, apa-apa bayaran atau penalti tertunggak di bawah Perintah Ketidaksovenan, 2016 (S 1/2016) yang kena dibayar oleh syarikat itu, pengarah-pengarah terdahulunya atau kedua-duanya pada masa pemotongan.

(2) Dalam aturan kecil (1), “masa pemotongan” bermakna masa nama syarikat itu dipotong daripada daftar di bawah bab 287A.

#### **Bayaran**

7. Bayaran yang dinyatakan dalam Jadual adalah kena dibayar berkaitan dengan perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya.

#### **JADUAL**

#### **BAYARAN**

Permohonan untuk memotong nama syarikat daripada daftar	\$30
Notis bantahan terhadap pemotongan	\$10
Penarikan balik pemotongan nama syarikat daripada daftar	\$10

Diperbuat pada hari ini    7      haribulan    Muharram 1440 Tahun Hijrah 1439  
bersamaan dengan    17      haribulan    September      2018.